PRULink Dana Aman

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / *Objektif Dana*

PRULink Dana Aman aims to provide medium to long term accumulation of capital by investing in selected Islamic debt securities.

PRULink Dana Aman投资于经过筛选的回教债务证券，藉以在中至长期内累积资金。

PRULink Dana Aman *bertujuan menyediakan pengumpulan modal untuk jangka sederhana hingga panjang dengan pelaburan dalam sekuriti hutang Islam yang terpilih.*

Fund Details / 基金详情 / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / 投资经理 / *Pengurus Pelaburan*	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad 瀚亚伊斯兰投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / *Tarikh Diterbitkan*	01/08/2000
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / *Saiz Dana Terkini*	RM134,409,553.34
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	0.50%
Current NAV / 目前的净资产值 / *NAB Terkini*	RM3.38324

How the Fund has performed / 基金表现 / *Prestasi Dana*

Performance Graph / 表现图表 / *Jaduan Prestasi Dana*

PRULink Dana Aman vs Maybank 12 Months Fixed Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / *Pergerakan Harga*	0.19%	0.73%	0.78%	2.73%	13.57%	19.29%	236.78%
Benchmark / 基准指标 / *Penanda Aras*	0.16%	0.48%	0.99%	2.06%	7.75%	12.82%	123.34%
Outperformance / 表现对比 / *Perbezaan Prestasi*	0.03%	0.25%	-0.21%	0.67%	5.82%	6.47%	113.44%

Source / 资料来源 / *Sumber*: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 June 2026

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / *Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari* www.maybank2u.com.my

Where the Fund invests
基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
资产配置 / *Peruntukan Aset*

		% NAV
1	Corporate Bonds	53.73
2	Government	29.69
3	Quasi Government	14.71
4	Cash, Deposits & Others	1.87

Top 10 Holdings
10大持股 / *10 Pegangan Teratas*

		%
1	Government Investment Issues*	7.90
2	Government Investment Issues*	5.30
3	Danainfra Nasional	4.10
4	Rp Hydro Kelantan Sdn Bhd	3.99
5	Ytl Power International Bhd*	3.98
6	Lbs Bina Group Bhd	3.85
7	Manjung Island Energy Bhd	3.85
8	Government Investment Issues*	3.77
9	Ytl Power International Bhd*	3.77
10	Exsim Capital Resources Bhd	3.76

* Different coupon rates & maturity dates for each.

PRULink Dana Aman

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / *Peningkatan Bulanan*

Market Review / 市场回顾 / *Tinjauan Bulanan*

The Federal Reserve ("Fed") kept the federal funds rate unchanged at 3.50% to 3.75% for the fourth consecutive meeting, amid persistent inflation and uncertainty over how quickly price pressures will ease. The US economy added just 57,000 jobs in June 2026, the weakest gain in four months and well below the 100k forecast and the downwardly revised 129k in May (from 172k), largely dragged down by soft leisure and hospitality hiring linked to the World Cup . Inflation remained sticky, with the headline PCE Price Index rose to 4.1% YoY in May (Apr: 3.8%), the highest since April 2023, and core PCE Price Index at 3.4% (Apr: 3.3%), both well above the Fed's 2% target. Activity indicators softened, with Manufacturing PMI eased to 53.3 (May: 54.0) and Service PMI slipped to 54.0 (May: 54.5), both still in expansion territory but at a softer pace.

In May, headline inflation edged up to 2.0% (Apr: 1.9%), driven by higher vegetable and electricity prices, while core inflation held steady at 2.0% (Apr: 2.0%). The unemployment rate ticked up to 3.0% in April (Mar: 2.9%). BNM's international reserves rose to USD132.6bn as of 30 June 2026 (15 May 2026: USD129.5bn), sufficient to finance 4.7 months of retained imports and cover 0.9x of short-term external debt. Meanwhile, the Ringgit weakened 2.9% MoM against the USD to 4.08 at end-June (end-May: 3.965), tracking broad USD strength.

In June, Malaysia's MGS and GII yields edged slightly higher, moving within a narrow range of 1 bp to 4 bps, tracking parallel movements in US Treasuries (UST). Foreign investors returned as net buyers, recording net inflows of RM4.9bn (May: RM4.3bn net outflow), bringing YTD net inflows to RM9.0bn. Meanwhile, the 10Y UST yield closed at 4.44% as of end-June 2026 (May: 4.45%), staying elevated amid expectations of tighter monetary policy and a possible rate hike.

鉴于通胀持续高企，且价格压力缓解的速度仍存在不确定性，美联储（Fed）连续第四次会议维持联邦基金利率于3.50%至3.75%区间不变。2026年6月，美国经济仅新增5.7万个就业岗位，为四个月来最低增幅，远低于市场预期的10万个，以及5月份经下修后的12.9万个（此前为17.2万个），主要受世界杯相关因素影响，休闲及酒店业招聘表现疲弱所拖累。通胀依然具有粘性，5月份整体个人消费支出（PCE）物价指数按年升至4.1%（4月：3.8%），创2023年4月以来新高；核心PCE物价指数为3.4%（4月：3.3%），两者均明显高于美联储2%的目标水平。经济活动指标有所放缓，制造业采购经理人指数（PMI）回落至53.3（5月：54.0），服务业PMI降至54.0（5月：54.5），尽管两者仍处于扩张区间，但扩张步伐有所放缓。

5月份，受蔬菜及电价上涨带动，整体通胀率小幅升至2.0%（4月：1.9%），而核心通胀率则维持于2.0%（4月：2.0%）。4月份失业率微升至3.0%（3月：2.9%）。截至2026年6月30日，马来西亚国家银行（BNM）的国际储备增至1,326亿美元（2026年5月15日：1,295亿美元），足以支付4.7个月的保留进口，并覆盖短期外债的0.9倍。与此同时，受美元整体走强影响，令吉兑美元汇率于6月底走弱至4.08，按月贬值2.9%（5月底：3.965）。

6月份，马来西亚政府债券（MGS）及政府投资票据（GII）收益率小幅走高，升幅介于1至4个基点之间，走势与美国国债（UST）同步。外国投资者重新转为净买入方，录得49亿令吉净流入（5月：43亿令吉净流出），使年初至今累计净流入增至90亿令吉。与此同时，截至2026年6月底，10年期美国国债收益率收于4.44%（5月：4.45%）；在市场预期货币政策将进一步收紧及可能加息的背景下，收益率仍维持高位。

Rizab Persekutuan ("Fed") tidak mengubah kadar dana persekutuan pada 3.50% hingga 3.75% menerusi mesyuarat keempat berturut-turut, disebabkan inflasi yang masih tinggi dan ketidakpastian tentang bila kenaikan harga barang akan reda. Ekonomi AS hanya menambah 57,000 pekerjaan pada Jun 2026, kenaikan paling lemah dalam tempoh empat bulan dan jauh di bawah ramalan 100,000 dan semakan menurun 129,000 pada bulan Mei (daripada 172,000), sebahagian besarnya diseret oleh kelemahan pengambilan pekerja dalam industri santai dan hospitaliti yang dikaitkan dengan Piala Dunia. Inflasi kekal tinggi, dengan Indeks Harga PCE utama meningkat kepada 4.1% YoY pada Mei (Apr: 3.8%), tertinggi sejak April 2023, sementara Indeks Harga PCE teras pada 3.4% (Apr: 3.3%), kedua-duanya jauh melebihi sasaran 2% Fed. Petunjuk aktiviti menjadi lebih lemah, dengan PMI Pembuatan menurun kepada 53.3 (Mei: 54.0) dan PMI Perkhidmatan jatuh kepada 54.0 (Mei: 54.5), kedua-duanya masih dalam wilayah pengembangan tetapi pada kadar yang lebih perlahan.

Pada bulan Mei, inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 2.0% (Apr: 1.9%), didorong oleh harga sayur-sayuran dan elektrik yang lebih tinggi, manakala inflasi teras kekal stabil pada 2.0% (Apr: 2.0%). Kadar pengangguran meningkat kepada 3.0% pada bulan April (Mac: 2.9%). Rizab antarabangsa BNM meningkat kepada USD132.6 bilion pada 30 Jun 2026 (15 Mei 2026: USD129.5 bilion), mencukupi untuk membiayai 4.7 bulan import tertahan dan menampung 0.9x hutang luar jangka pendek. Sementara itu, Ringgit melemah 2.9% MoM berbanding USD kepada 4.08 pada akhir Jun (akhir Mei: 3.965), susulan pengukuhan USD secara meluas.

Pada bulan Jun, hasil MGS dan GII Malaysia meningkat sedikit, bergerak dalam julat sempit 1 hingga 4 mata asas, selari dengan pergerakan Perbendaharaan AS (UST). Pelabur asing kembali sebagai pembeli bersih, mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM4.9 bilion (Mei: aliran keluar bersih RM4.3 bilion), menjadikan aliran masuk bersih sejak awal tahun kepada RM9.0 bilion. Sementara itu, hasil UST 10 tahun yang ditutup pada 4.44% pada akhir Jun 2026 (Mei: 4.45%), kekal tinggi di tengah-tengah jangkaan dasar monetari yang lebih ketat dan kemungkinan kenaikan kadar faedah.

Market Outlook / 市场展望 / *Gambaran Bulanan*

The Federal Reserve kept its target benchmark rate steady at 3.5% to 3.75% during its June 2026 meeting, which also marked the debut of newly appointed Chair Kevin Warsh, who succeeded Jerome Powell. Warsh led a unanimous decision to hold rates but introduced a notable shift in Fed communication by removing traditional forward guidance. He also established five task forces to review Federal Reserve Board policies and emphasized that future monetary decisions will be guided strictly by incoming data rather than a predetermined path. Following the meeting, markets repriced toward a more hawkish outlook, with investors now assigning a higher probability to at least one rate hike by late 2026. This shift reflects a combination of persistent economic pressures, leadership transition and evolving policy priorities. Geopolitical tensions, particularly the conflict involving Iran, have triggered energy supply shocks, with rising oil and gas prices threatening to spill over into food and utilities and potentially fuelling a sustained inflationary spiral..

BNM expects the economy to grow by 4%-5% in 2026, driven by resilient domestic demand and continued export expansion despite external headwinds. Headline inflation is projected to average at 1.5% to 2.5%, with some upward pressure from elevated global energy costs, though the impact should be largely contained by targeted policy measures and stable domestic demand. The current monetary policy stance suggests that the OPR will likely be maintained at 2.75% in the near term, as the BNM views the current level as appropriate for balancing price stability with sustainable growth, while remaining vigilant and data-dependent amid heightened external uncertainties.

Three auctions are expected in the month of July 2026, reopening of 10-yr MGS 7/35, reopening of 3.5-yr MGII 10/29 and reopening of 15-yr MGS 1/41. While there is ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment both from local and foreign investors. On the corporate front, demand is expected to remain resilient given institutional demand for bonds even though spreads have been seen being compressed significantly.

美联储在2026年6月会议上将联邦基金利率目标区间维持于3.50%至3.75%不变，此次会议亦标志着新任主席凯文·沃什（Kevin Warsh）接替杰罗姆·鲍威尔（Jerome Powell）后的首次政策会议。沃什主导了维持利率不变的一致决定，同时对美联储沟通方式作出重大调整，取消传统的"前瞻性指引"。他还成立五个专项工作组，以审

PRULink Dana Aman

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

查美联储理事会政策，并强调未来货币政策决策将严格依据未来公布的数据，而非遵循预设路径。会后，市场重新定价，转向反映更为鹰派的政策前景，投资者认为2026年底前至少加息一次的可能性有所提高。这一转变反映了持续的经济压力、领导层更迭以及政策重点演变等多重因素的综合影响。与此同时，地缘政治紧张局势，尤其是涉及伊朗的冲突，引发能源供应冲击，油气价格上涨可能传导至食品及公用事业价格，并进一步加剧持续性通胀螺旋式上升的风险。

马来西亚国家银行（BNM）预计，2026年经济将增长4%至5%，主要受韧性国内需求及出口持续扩张支撑，尽管外部环境仍面临挑战。整体通胀率预计平均处于1.5%至2.5%之间；全球能源成本高企可能带来一定上行压力，但相关影响预计将在针对性政策措施及稳定国内需求的支持下维持可控。当前货币政策立场显示，隔夜政策利率（OPR）短期内料将维持于2.75%，因为国家银行认为当前利率水平有助于在维持物价稳定与支持可持续经济增长之间取得平衡，同时在外部不确定性加剧的环境下继续保持警惕，并依据经济数据调整政策。

预计2026年7月将举行三场国债招标，包括10年期大马政府债券（MGS）7/35、3.5年期大马政府投资票据（MGII）10/29、以及15年期MGS 1/41的增额发行。尽管银行体系流动性充裕，上述拍卖结果料将受到当前国内外投资者市场情绪的影响。企业债市场方面，鉴于机构投资者对债券的需求仍然稳健，尽管利差已大幅收窄，企业债券需求预计仍将保持韧性。

Rizab Persekutuan mengekalkan kadar penanda aras sasarannya pada 3.5% hingga 3.75% semasa mesyuarat Jun 2026, yang turut menandakan penampilan sulung Pengerusi yang baru dilantik, Kevin Warsh, menggantikan Jerome Powell. Warsh mengetuai keputusan sebulat suara untuk mengekalkan kadar faedah tetapi memperkenalkan perubahan ketara dalam komunikasi Rizab Persekutuan dengan memansuhkan panduan masa depan tradisional. Beliau juga membentuk lima pasukan petugas untuk menyemak semula dasar Lembaga Rizab Persekutuan dan menegaskan bahawa keputusan monetari masa hadapan akan dipandu sepenuhnya oleh data yang masuk dan bukannya mengikut acuan yang diterapkan lebih awal. Berikutan mesyuarat itu, pasaran menetapkan semula harga ke arah tinjauan yang lebih agresif, dengan pelabur kini menetapkan kebarangkalian yang lebih tinggi untuk sekurang-kurangnya satu kenaikan kadar faedah menjelang lewat tahun 2026. Perubahan ini mencerminkan gabungan faktor tekanan ekonomi yang berterusan, peralihan kepimpinan dan keutamaan dasar yang berubah ansur. Ketegangan geopolitik, terutamanya konflik yang melibatkan Iran, telah menyebabkan kejutan bekalan tenaga, dengan kenaikan harga minyak dan gas pula menjadi ancaman kepada kenaikan harga makanan dan utiliti lantas memarakkan lagi lingkaran inflasi.

BNM menjangkakan ekonomi berkembang 4%-5% pada tahun 2026, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan eksport meskipun terdapat halangan luaran. Inflasi keseluruhan diunjurkan pada purata 1.5% hingga 2.5%, dengan sedikit tekanan menaik berikutan kos tenaga global yang tinggi, walaupun sebahagian besar impaknya dapat dibendung oleh langkah-langkah dasar yang disasarkan dan kestabilan permintaan domestik. Pendirian dasar monetari semasa menunjukkan bahawa OPR mungkin dikekalkan pada 2.75% dalam jangka masa terdekat, memandangkan BNM menganggap paras ini wajar untuk mengimbangi kestabilan harga dengan pertumbuhan yang mampan, sambil sentiasa berwaspada dan bergantung kepada data baharu di tengah-tengah peningkatan ketidakpastian luaran.

Tiga lelongan dijangka pada bulan Julai 2026, iaitu pembukaan semula MGS 7/35 10 tahun, pembukaan semula MGII 10/29 3.5 tahun dan pembukaan semula MGS 1/41 15 tahun. Meskipun kecairan dalam sistem lebih dari mencukupi, namun hasil lelongan mungkin dipengaruhi oleh sentimen pelabur tempatan dan asing terhadap pasaran semasa. Di sudut korporat, permintaan dijangka terus kukuh memandangkan adanya permintaan institusi ke atas bon walaupun tebaran (spread) kelihatan mengecil dengan ketara.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / *Tinjauan dan Strategi Dana*

The Fund returned 0.19% for the month, outperforming the benchmark return of 0.16% by 0.03%. Year-to-date, the Fund returned 0.78%, underperforming the benchmark return of 0.99% by 0.21%.

Sentiment stayed fragile and cautious through June, even as geopolitical concerns eased following the US–Iran ceasefire framework. Yields drifted higher month-on-month across the curve, weighed down by a heavy weekly auction calendar that pointed to some demand fatigue. Despite the weaker month, coupon income allowed the Fund to outperform the benchmark marginally.

Geopolitical risk eased following the US–Iran ceasefire framework signed on 17 June, though the arrangement remains fragile, with a 60-day window still to negotiate final terms. Oil has corrected sharply in response, with Brent falling around 21% over the past month to roughly USD 76/bbl, back near pre-conflict levels. Global yields, however, have stayed sticky, driven by a more hawkish Fed under new Chair Kevin Warsh, who has signalled openness to further hikes. This weighs on Malaysian bonds through weaker external sentiment.

Domestically, conditions remain stable. 1Q26 GDP grew 5.4% YoY, underpinned by steady employment, gradual wage growth and resilient tourism, while inflation stays contained. The recent pullback in oil prices further reduces near-term upside risk to inflation, and BNM is expected to hold the OPR at 2.75% through 2026.

Overall, the Fund remains neutral. Valuations look more attractive than earlier in the year, but near-term direction is likely to be set by external factors — US yields, Fed rhetoric and the durability of the ceasefire. Therefore, the portfolio is kept cautious and flexible. Consistent with the view that the OPR stays unchanged this year, the Fund continues to favour the belly of the curve.

检讨月份下，此基金的回酬为 0.19%，跑赢取得 0.16% 回酬的基准0.03%。年度至今，本基金回酬为0.78%，跑输取得0.99% 回酬的基准0.21%。

尽管美伊停火框架的达成缓解了部分地缘政治担忧，但整个6月份市场情绪仍然脆弱且谨慎。由于每周债券拍卖安排密集，市场需求显现疲态，收益率曲线各期限收益率按月走高。尽管月内表现较弱，票息收入仍支持此基金小幅跑赢基准。

随着6月17日美伊停火框架的签署，地缘政治风险有所缓解，但有关停火安排仍较为脆弱，双方仍有60天时间就最终条款展开谈判。受此影响，油价大幅回调，布伦特原油价格在过去一个月下跌约21%，至每桶约76美元，接近冲突前水平。然而，全球收益率仍维持高位，主要受立场更趋鹰派的美联储所推动。新任主席凯文·沃什已表示对进一步加息持开放态度。外围市场情绪偏弱对马来西亚债券构成压力。

国内经济形势保持稳定。2026年第一季度国内生产总值（GDP）按年增长5.4%，受就业稳定、工资稳步增长及旅游业保持韧性支撑，同时通胀维持受控。近期油价回落进一步降低了短期通胀上行风险，预计马来西亚国家银行将在2026年全年维持隔夜政策利率（OPR）于2.75%不变。

总括来说，本基金维持中性观点。尽管估值较今年稍早时期更具吸引力，但短期市场走势可能主要由外部因素决定，包括美国国债收益率、美联储政策措辞及停火协议的持续性。因此，投资组合维持谨慎且灵活的配置策略。基于今年OPR维持不变的预期，基金继续偏好收益率曲线中段。

Dana menjana pulangan 0.19% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.16% dengan perbezaan 0.03%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana memulangkan 0.78%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.99% dengan perbezaan 0.21%.

Sentimen kekal rapuh dan berhati-hati sehingga bulan Jun, walaupun kebimbangan geopolitik mengendur berikutan rangka kerja gencatan senjata AS-Iran.

Hasil berganjak lebih tinggi MoM di sepanjang keluk, dibebani oleh kalendar lelongan mingguan yang padat yang menuding kepada kesuraman permintaan. Walaupun berada dalam bulan yang lebih lemah, namun pendapatan kupon membenarkan Dana mengatasi prestasi penanda aras sedikit.

PRULink Dana Aman

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Risiko geopolitik berkurangan susulan rangka kerja gencatan senjata AS-Iran yang ditandatangani pada 17 Jun, walaupun pengaturan itu masih rapuh, dengan tempoh 60 hari untuk merundingkan syarat akhir. Minyak diperbetul secara mendadak sebagai gerak balas, dengan Brent jatuh sekitar 21% pada bulan ini kepada kira-kira USD 76/tong, kembali menghampiri tahap sebelum konflik. Walau bagaimanapun, hasil bon global kekal tinggi dan sukar turun, dipacu oleh pendirian Rizab Persekutuan (Fed) yang lebih tegas di bawah Pengerusi baharu Kevin Warsh?yang memberi isyarat keterbukaan kepada kemungkinan kenaikan kadar faedah seterusnya. Isu ini membebankan bon Malaysia lantaran sentimen luaran yang lebih lemah.

Dalam negara, keadaan kekal stabil. KDNK 1Q26 meningkat 5.4% YoY, disokong oleh pekerjaan yang mantap, pertumbuhan gaji yang beransur-ansur dan pelancongan yang berdaya tahan, manakala inflasi kekal terkawal. Penurunan harga minyak baru-baru ini mengurangkan lagi risiko kenaikan inflasi dalam masa terdekat dan BNM dijangka mengekalkan OPR 2.75% di sepanjang tahun 2026.

Secara keseluruhan, Dana tetap neutral. Penilaian kelihatan lebih menarik berbanding awal tahun ini, tetapi hala tuju jangka pendek mungkin ditetapkan oleh faktor luaran — hasil AS, retorik Fed dan ketahanan gencatan senjata. Oleh itu, portfolio sentiasa berhati-hati dan fleksibel. Selaras dengan pandangan bahawa OPR dikekalkan tahun ini, maka Dana terus mengutamakan pertengahan keluk.

Source / 资料来源 / *Sumber*: Fund Commentary, June 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.
Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All **PRU**Link Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail.

任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定。所有**PRU**Link Dana皆是投资予回教法典(Syariah)核准的证卷和/或回教私立债务证卷。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文，马来文和中文版有差异则以英文版为准。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua **PRU**Link Dana *dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.*

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur. Tel: 03-2778 3888
Email: customer.mys@prudential.com.my Website: www.prudential.com.my